

**Bahagian A**

[ *Masa yang dicadangkan : 45 minit* ]

[ 30 markah ]

***Baca petikan ringkas di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk memajukan industri inap desa di negara kita. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.***

Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan sedang berusaha menaik taraf industri inap desa di seluruh negara dengan memberi bantuan kewangan dan latihan pengendalian inap desa kepada peserta. Selain itu, kerajaan juga bersetuju untuk menyediakan infrastruktur yang lengkap serta berusaha mempromosikan inap desa di dalam dan di luar negara. Pihak kerajaan berharap dengan langkah bersepada ini dapat menarik minat pelancong terutamanya pelancong asing memilih Malaysia sebagai destinasi percutian.

Dipetik dan diubah suai daripada “*Panduan Pengendalian Homestay*”,  
Kementerian Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur.

[ Lihat Halaman Sebelah

### Bahagian B

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

- 1 Dalam era globalisasi kini, pengaruh teknologi maklumat memungkinkan manusia berinteraksi dengan lebih mudah, cepat, dan efisien.

Nyatakan pendapat anda tentang faedah-faedah menguasai teknologi maklumat kepada golongan remaja.

- 2 Semangat patriotik yang semakin luntur dalam kalangan remaja kini berpunca daripada kurangnya penekanan oleh ibu bapa.

Huraikan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menerapkan semangat patriotik dalam jiwa anak-anak.

- 3 Bioteknologi merupakan proses menggunakan sel atau organisma sebagai bahan asas untuk menghasilkan sesuatu produk. Pendekatan ini sememangnya mampu membuka peluang baharu kepada peningkatan ekonomi negara. Sebagai Pegawai Jabatan Pertanian, anda dikehendaki memberikan ceramah tentang kepentingan bioteknologi dalam bidang pertanian kepada petani di tempat anda.

Tulis ceramah anda selengkapnya.

- 4 Peningkatan pelaburan asing boleh dilihat sebagai salah satu kayu ukur kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Bincangkan faedah-faedah yang akan dinikmati oleh negara-negara terlibat dalam pelaburan asing.

- 5 Pengarang sering menjadikan novel sebagai salah satu medium untuk menyampaikan pengajaran kepada masyarakat.

Huraikan pengajaran-pengajaran yang diperoleh daripada sebuah novel yang anda baca.

KERTAS SOALAN TAMAT